



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Sokong jurulatih sepenuh masa

Berita Harian, 3 February 2000, Page 17

Article also available on Microfilm Reel NL21856

Printer-Friendly Page

Sokong jurulatih sepenuh masa

SILAT OLEH YUSOFF A. RAHMAN

MAJLIS Guru-Guru menyokong usaha mendapatkan jurulatih silat dan pentadbir sepenuh masa.

Ini telah dinyatakan oleh Naib Presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Abdullah Shafie.

"Pada keseluruhannya Majlis Guru-Guru yang mengadakan pertemuan pada hujung minggu lalu setuju tentang perlu mendapatkan tenaga bukan sahaja jurulatih sepenuh masa bahkan juga seorang pentadbir," kata Abdullah.

Sebelum ini, Majlis Sukan Singapura (SSC) juga telah menggalakan setiap persatuan dalam kategori Sukan Utama dan Sukan Merit supaya berusaha mendapat jurulatih dan seorang pentadbir sepenuh masa dengan tujuan melancarkan kegiatan sesebuah persatuan itu.

Antara 22 wakil yang hadir dalam mesyuarat itu termasuk bekas ketua jurulatih Singapura, Ramli Awi.

Abdullah menarik perhatian bahawa tugas jurulatih sepenuh masa bukan saja mengendalikan latihan skuad nasional, bahkan merangkumi tugas-tugas lain.

Antaranya termasuk mengatur program dalam pembangunan silat di sekolah-sekolah dan juga menganjurkan kursus-kursus jurulatih.

"Banyak yang boleh dilakukan jika kami mempunyai jurulatih sepenuh masa," kata Abdullah sambil

menambah bahawa pandangan Majlis Guru-Guru itu akan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pentadbir Persisi pada masa akan datang.

Mengulas pertemuan itu, bekas Setiausaha Agung Persisi, Jamaludin Jamil dari Perguruan Cekak Serantau, berkata: "Saya setuju untuk mendapatkan jurulatih sepenuh masa demi kebaikan sukan tersebut."

Jamaludin adalah antara dua jurulatih setempat yang sejauh ini secara terbuka melahirkan minat untuk menjadi jurulatih sepenuh masa.

Seorang lagi ialah jurulatih nasional, Sheik Alauddin, yang juga hadir dalam pertemuan tersebut.

Sukan silat kini diletakkan dalam kategori Merit setelah berjaya mengutip tiga pingat emas dalam Sukan SEA Brunei baru-baru ini.

"Pada keseluruhannya Majlis Guru-Guru yang mengadakan pertemuan pada hujung minggu lalu setuju tentang perlu mendapatkan tenaga bukan sahaja jurulatih sepenuh masa bahkan juga seorang pentadbir."

— Naib Presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Abdullah Shafie.